

Desakan tunai janji PRU15 ganggu Anwar pulih kestabilan

• Pihak mendesak Datuk Seri Anwar Ibrahim melaksanakan 'janji' sebelum Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) perlu memahami kini beliau bukan Perdana Menteri dikuasai Pakatan Harapan (PH)

• Pemimpin pelbagai blok dalam kerajaan hari ini perlu tampil dengan suara saling melengkapi secara berterusan supaya menampakkan iltizam 'menggali' dan meraikan usaha bersama menebus kestabilan



Pensyarah kanan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia

Oleh Prof Dr P Sivamurugan
bhrencana@bh.com.my

Pentadbiran Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sudah menjejak tempoh masa kerap dinamakan sebagai 'bulan madu'. Ini juga sudah melewati jangkaan sesetengah pihak yang pada awalnya cuma meletakkan tiga bulan masa ia boleh bertahan.

Ternyata, sangkaan itu meleset walaupun ada ura-ura wujud gerakan untuk 'menjatuhkan' Kerajaan Perpaduan sebagaimana kedengaran di Parlimen, baru-baru ini. Hakikatnya, kepemimpinan Perdana Menteri ke-10 sudah masuk lebih 100 hari.

Barangkali masih ada yang sangsi dengan keupayaan Anwar Untuk mempertahankan, mengembang dan menyelusuri keberadaan Kerajaan Perpaduan dianggap kerana di dalamnya ada 'dua musuh tradisi kini menjadi rakan sekutu akrab'.

Adakah realistik untuk menutup segera segala perbezaan yang wujud selama 25 tahun sejak pemecatan Anwar daripada UMNO pada September 1998 untuk mencari 'kedamaian politik' dalam blok berbeza pangkalan ideologinya?

Apakah perbezaan citra politik masih membeleggu pemikiran persekitaran politik yang sudah berubah sehingga ada desakan, permintaan dan jangkaan penyokong masing-masing sukar dilaksanakan?

Ini bukan kerajaan Pakatan Harapan (PH), juga bukan kerajaan Barisan Nasional (BN) atau mana-mana gabungan lain. Kerajaan ini adalah Kerajaan Perpaduan yang membawa kepada perilaku hidup berdampingan, tetapi dilabel masih dalam kehidupan berasingan walaupun bercampur, belum wujud 'penggabungan' di bawah satu entiti baharu. Pemahamannya memerlukan masa, tenaga dan gerak kerja.

Suasana unik ini pasti berkeinginan untuk menjadi titik noktah persaingan dalaman. Jika ada keretakan dalaman sama ada intra parti atau inter anggota parti kerajaan campuran ia boleh menjejaskan keyakinan umum ke atas pentadbiran kerajaan baharu ini.

Sehubungan itu, pihak yang mendesak Anwar untuk melaksanakan 'janji' atau perkara dipersetujui sebelum Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) tempoh hari perlu memahami bagaimana kini Anwar bukan Perdana Menteri dikuasai PH.

Ia adalah pembentukan kerajaan dengan ramuan berbeza. Apabila wujud suasana luar biasa, pendekatanannya juga mesti tidak seperti biasa. Pastinya, kerangka Perlembagaan di bawah panji Melayu-Is-

lam berserta hak sah warganya dipelihara walau ada suara cuba menimbulkan keraguannya.

Anwar sudah melalui pelbagai fasa pasang surut dalam permainan politik tanah air. Namun, beliau perlukan masa. Pada waktu sama, Anwar mahu masing-masing pendesak ini, termasuk dalam isu pemansuhan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) menutup penampilan politik dan bekerja sebagai satu pasukan komited dengan agenda Anwar untuk membangunkan negara.

Perdana Menteri boleh bersifat populis, tetapi memilih untuk mengambil keputusan tidak popular untuk satu tempoh masa kestabilan dan keadaan lebih menentu sebelum memikirkan bagaimana memenuhi perkara pernah disuarakan sebelum ini. Bezanya, waktu itu beliau adalah Ketua Pembangkang.

"Sehingga hari ini,
kerajaan ini sudah berfungsi
dengan baik jika dilihat
kepada latar masing-masing.
Ini juga pemerhatian
berdasarkan pencapaian
berbanding dengan
spekulasi sebelum ini"

Kini, beliau adalah Perdana Menteri. Ini juga masyanya beliau cuba melihat semula tadbir urus baik dengan daya upaya untuk merangka, melaksana dan memantau setiap tindakan supaya mudah, pantas, segera dan menyenangkan walaupun masih ada kebimbangan ke atas *deep state* di bawah pentadbiran beliau.

Baik pulih kepercayaan rakyat

Ada yang menyoal mengapa masih belum dapat menyelesaikan isu kemasyarakatan? Hakikatnya, selepas berada dalam kerajaan, pasukan ini mungkin masih cuba 'meluruskan yang bengkok', cuba 'menjernihkan kelodak'. Penjawat awam diberi kepercayaan sepenuhnya walaupun isu gaji mereka sukar dicari penawaran 'menang-menang' masa ini.

Yang penting pada masa ini adalah untuk membaik pulih kepercayaan rakyat kepada kerajaan. Masing-masing perlu menghormati, memahami dan menerima serta meyakinkan penyokong masing-masing mengenai kekusutan kepercayaan dalam kalangan mereka.

Menggali kepercayaan dan meraikan perbezaan bukan mudah, tetapi tidak mustahil. Perkara bertentangan dengan aras Perlembagaan perlu ditolak dengan hujah rasional dan praktikal. Sangsi, curiga dan etnosentrik perlu diatasi dengan keikhlasan, bertanggungjawab dan semangat kekitaan.

Sekretariat Perpaduan yang merangkumi barisan kepemimpinan tertinggi parti daripada blok kerajaan campuran menggalas peranan amat besar. Ia perlu mencerakin dan memberi perincian ke atas titik persamaan dipersetujui bersama dalam kandungan manifesto masing-masing.

Rundingan bermusyawarah boleh dilakukan berterusan ke atas titik perbezaan supaya ia diraikan sebagai pelindung kepada pengukuhan dalaman kerajaan campuran ini. Setiap negeri, daerah dan mukim sudah boleh memikirkan penubuhan sekretariat ini yang boleh bersifat kaukus atau konsortium bersama andai inilah formula pentadbiran baharu.

Andai kata perbezaan diangkat tanpa melihat kepada keunikan wajah kepemimpinan hari ini, maka dikhuatiri ia akan membawa kepada permusuhan sesama sendiri. Apa sahaja keinginan untuk mengetengahkan dasar pentadbiran hari ini, ia perlu menjaga sensitiviti blok bersama mereka.

Walaupun ada beranggapan pengaruh politik membatasi tindakan dan keputusan sebelum menjadi Perdana Menteri, Anwar tahu keterbatasan perlu dihormati supaya tidak memutuskan usaha ke arah membaiki hubungan dan keserasian dalaman Kabinet, kepemimpinan parti dan penyokong serta orang kebanyakan.

Masing-masing tahu tidak mudah menjadi nakhoda kerajaan hari ini. Ia dibina bertelapakkan kepada hubungan pernah dimiliki dahulu, tetapi tercalar untuk satu tempoh masa dan sedang cuba dibaiki dengan perancangan dan tindakan.

Pemimpin pelbagai blok dalam kerajaan hari ini perlu tampil dengan suara saling melengkapi secara berterusan supaya menampakkan iltizam 'menggali' dan meraikan usaha bersama menebus kestabilan.

Sehingga hari ini, kerajaan sudah berfungsi dengan baik jika dilihat kepada latar masing-masing. Ini juga pemerhatian berdasarkan kepada pencapaian berbanding spekulasi sebelumnya. Kabinet Kerajaan Perpaduan adalah pasukan Anwar walau berbeza jalur politiknya.

Jalur dalam parti sendiri masih boleh diangkat untuk memperkasakan anggota dan penyokong masing-masing, tetapi pada peringkat kebangsaan, karakter kepemimpinan nasional menjadi keutamaan. Inilah juga garis panduan 'remedi' Malaysia MADANI, aspirasi Kerajaan Perpaduan hari ini.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH